



SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

**KELEWATAN PROJEK PENGGERUKAN SALURAN NAVIGASI PELABUHAN
KUCHING**

PELABUHAN KLANG - Jabatan Laut Malaysia melalui Jabatan Laut Wilayah Sarawak mengambil maklum berkenaan artikel *Borneo Post Online* pada 28 April 2021 bertajuk (*Association questions delay of capital dredging project for Kuching Port's navigation channel*).

Sebagai tindak balas kepada pertanyaan artikel tersebut, dimaklumkan bahawa Projek Penggerukan Saluran Navigasi Pelabuhan Kuching telah diberikan pelanjutan oleh pihak Jabatan Laut Malaysia sehingga 18 September 2020. Sehingga kini, pihak syarikat masih gagal menyelesaikan kerja dan telah mula dikenakan denda (*liquidated and ascertained damages*) bermula 19 September 2020 sehingga kerja disiapkan sepenuhnya (*Certificate Practical Completion* dikeluarkan) kelak.

Kos projek RM 421,334,210.88 (Termasuk GST). Projek bermula 23 November 2017 dan sepatutnya siap pada 22 November 2019.

Faktor utama yang menyebabkan projek ini tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan adalah kerana kadar mendapan yang tinggi terutamanya selepas musim banjir/monsoon timur laut.

Syarikat yang bertanggungjawab telah diberikan 4 kali perlanjutan masa kontrak seperti berikut:

1. Lanjutan masa no.1 sehingga 28 Disember 2019 (36 hari): Disebabkan kelewatan kerajaan negeri Sarawak membenarkan kerja dilaksanakan 24 jam sehari. (hanya dibenarkan 12 jam).
2. Lanjutan masa no.2 sehingga 10 Jun 2020 (165 hari): Kekurangan peruntukan daripada Kerajaan.
3. Lanjutan masa no.3 sehingga 6 Ogos 2020 (56 hari): Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
4. Lanjutan masa no.4 sehingga 18 September 2020: Bagi menyelesaikan mendapan yang terjadi disebabkan pemberhentian kerja dalam tempoh PKP.

Adalah dimaklumkan bahawa, projek ini masih lagi dalam pelaksanaan dengan kemajuan semasa adalah seperti berikut:

Peratus Kemajuan Jadual:	100.00%
Peratus Kemajuan Sebenar:	97.60%
Peratus Perbezaan:	-2.40%
Dahulu/Lewat (Hari):	225 hari

Pematuhan SOP pencegahan Covid 19 adalah keutamaan setiap agensi yang terlibat.

JABATAN LAUT MALAYSIA

30 APRIL, 2021

-TAMAT-

Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM) :

Mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Menentukan sistem perhubungan laut yang selamat, aman dan teratur selain pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia

Tel +603 - 3346 7793 / 7620

E-mel korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: www.marine.gov.my